

05/04/2001

`Saya rasa PM seperti bapa sendiri'

PUTRAJAYA, Rabu - Seorang pelajar, Lida Khalid, 19, berasa bertuah kerana berpeluang makan semeja bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di satu majlis di sini, tengah hari ini.

"Ketika itu, saya rasa Perdana Menteri seperti bapa sendiri kerana sambil makan, beliau berbual seperti orang biasa. Saya rasa amat seronok sekali," kata anak pesara yang berasal dari Kuala Selangor itu.

Katanya, beliau tidak gugup duduk di sebelah kanan Dr Mahathir kerana pemimpin negara itu mengambil sikap seperti seorang bapa bersama anak ketika berbual sambil menjamu selera.

"Ini memberi inspirasi kepada saya untuk terus berjaya dalam pelajaran," kata Lida yang memperolehi 11 (A1) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu.

Pelajar Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang itu, muncul pelajar terbaik di Selangor.

Lida yang bercita-cita menjadi ahli ekonomi adalah antara kira-kira 200 pelajar dari seluruh negara yang menghadiri jamuan anjuran pejabat Timbalan Perdana Menteri.

Mereka adalah pelajar yang mencatat keputusan sekurang-kurangnya 9A dalam SPM. Selain Dr Mahathir, turut duduk di meja yang sama ialah Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi duduk di meja berasingan bersama pelajar lain.

Pelajar berkenaan bukan saja berpeluang makan bersama, malah beramah mesra, bergambar dan mendapatkan autograf Dr Mahathir, Abdullah, menteri dan timbalan menteri pada majlis yang berlangsung selama dua jam.

Pelajar terbaik negara bagi SPM tahun lalu, Ong Jin Hock, 18, yang duduk di sebelah kiri Dr Mahathir pula berkata, Perdana Menteri antara lain memberi nasihat supaya pelajar tidak lupa memberi sumbangan kepada negara apabila berjaya.

"Dr Mahathir mahukan kepakaran anak tempatan untuk membantu pembangunan negara," katanya yang memperolehi 1A bagi semua 12 subjek dan bercita-cita menjadi jurutera komputer.

Anak peniaga mi itu, turut terharu kerana Perdana Menteri sanggup duduk bersama dengan sifat yang rendah diri.

Kalpna Sehgal Paras Ram yang memperolehi 11 (A1) dan turut duduk di meja yang sama, menyifatkan Perdana Menteri sebagai orang suka berjenaka dan mudah mesra.

"Ucapannya juga memberi motivasi kepada saya dalam mengejar cita-cita untuk berjaya dalam pendidikan," katanya.

(END)